

# Lebih 200,000 penduduk Segamat terputus hubungan

DARI MUKA 1

semua pihak pada peringkat negeri dan daerah menyalurkan segera bantuan makanan dan selimut kepada mangsa di pusat pemindahan.

“Jika peruntukan kewangan tambahan diperlukan, kerajaan setuju menyediakannya untuk memastikan mangsa mendapat bekalan makanan dan selimut,” katanya.

Beliau yang akan meninjau keadaan banjir di Johor hari ini, berkata negeri lain akan turut dipantau kerana cuaca sukar diramal.

“Kita menjangka Pantai Timur yang banjir, tetapi Johor pula di landa banjir teruk,” katanya.

Banjir di Johor akibat fenomena hujan lebat luar biasa sejak tiga hari lalu, menyebabkan 22,751 penduduk daripada 4,925 keluarga dipindahkan ke 165 pusat pemindahan di semua lapan daerah di negeri itu.

Segamat paling teruk dengan semua jalan ke daerah berkenaan dinaiki air dan tidak boleh dilalui kenderaan. Lebih 200,000 penduduk di daerah itu kini terputus bekalan elektrik, telefon dan air bersih.

Sesetengah mangsa banjir di Se-

gamat juga dilaporkan masih terperangkap di rumah menunggu bantuan udara kerana hampir keseluruhan bandar itu ditenggelami air.

Di MELAKA, 3,193 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan banjir, termasuk 750 orang di 12 pusat pemindahan di Durian Tunggal, Gadek, Rembia dan Alor Gajah, 809 di 15 pusat pemindahan di Bemban, Sungai Rambai, Asahan, Merlimau, Serkam dan Rim, manakala 440 di Melaka Tengah.

Pengerusi Bilik Gerakan Banjir Alor Gajah, Hasim Ismail, berkata Jambatan Kampung Beringin menghubungkan Parit Melana ke Kru-bong terpaksa ditutup kerana dikhuatiri roboh.

Di SEREMBAN, keadaan banjir di daerah Tampin juga bertambah buruk apabila 760 mangsa dipindahkan ke lapan pusat pemindahan sehingga jam 5 petang semalam.

Pengarah Gerakan Banjir Daerah, Superintendan Zull Aznam Haron, berkata beberapa jalan terpaksa ditutup, antaranya Jalan Persekutuan antara Tampin ke Johor Bahru selepas laluan di Felda Sungai Kelamah sepanjang tiga kilometer dinaiki air

antara satu hingga dua meter.

Laluan lain termasuk Jalan Gemas-Batu Anam, Segamat, Jalan Gemas-Batang Melaka dan Jalan Gemas-Kampung Ladang.

Beliau berkata, sebahagian pekan Gemas ke Jalan Batu Anam, Segamat serta kawasan perhentian bas Gemas dinaiki air 1 hingga 1.5 meter.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat Plus, Khalilah Mohd Talha, ketika dihubungi pula berkata sebahagian lebuh raya dua lorong dari Jasin ke Tangkak ditutup sementara kerana dinaiki air 0.54 meter.

Bagaimanapun, katanya, trafik lancar kerana Plus melakukan kontra aliran trafik bagi laluan dua lorong lebuh raya ke utara.

KTMB dalam kenyataannya berkata, perkhidmatan antara bandar KTM bagi selatan terjejas dengan lima perkhidmatan dibatalkan semalam, iaitu, Ekspres Rakyat Singapura-Kuala Lumpur, Ekspres Sinaran Pagi Kuala Lumpur-Singapura, Mel Tren No 58 Singapura-Gua Musang, Mel Tren No 61 Gua Musang-Singapura dan Mel Tren No 64 Singapura-Gemas. Perkhidmatan Mel Tren No 57 Gua Musang-Singapura berakhir di Gemas.

FAKTA NOMBOR

Jumlah mangsa dipindah

22,751

Di Johor

3,193

Di Melaka

760

Di Negeri Sembilan



PERANGKAP MAUT: Sisa balak dan kayu yang terperangkap di Jambatan Sungai Lembing, Kuantan mengancam keselamatan pemandu di laluan itu.



BERTAMBAH BURUK: Pusat bandar Kota Tinggi, Johor ditenggelami air akibat hujan lebat sejak Ahad lalu.

# Banjir 3 negeri makin buruk

Najib arah Angkatan Tentera Malaysia tambah anggota, peralatan bantu mangsa

**K**UALA LUMPUR: Banjir di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan bertambah buruk dengan daerah Segamat hampir lumpuh, manakala 26,704 penduduk di tiga negeri itu dipindahkan ke pusat pemindahan sehingga malam tadi.

Bencana itu turut menyebabkan sebahagian laluan dua lorong Projek Lebuh raya Utara Selatan (Plus) dari Jasin ke Tangkak terpaksa ditutup selepas air Sungai Kesang dan Tangkak melimpahi tebing sehingga ke paras 0.54 meter.

Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi sektor selatan juga dibatalkan menyebabkan 284 penumpang Kereta api Ekspres Wau dari Tumpat, Kelantan ke Singapura terkandas di Stesen Keretapi Gemas.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Kabinet pada mesyuaratnya semalam mengarahkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menambah anggota dan peralatan termasuk helikopter, bot serta kenderaan berat bagi membantu menyelamatkan mangsa banjir di negeri terbabit.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, juga mengarahkan



TERJEJAS TERUK: Bandar Segamat ditenggelami air selepas hujan lebat luar biasa sejak empat hari lalu.

LIHAT MUKA 2

LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 4, 5 DAN 6